

## Dasar Privasi Young Living Malaysia

Dasar ini berkuat kuasa pada 15 Februari 2026

Dasar Privasi ini memaklumkan bagaimana Young Living mengumpul, memproses, menggunakan, mendedahkan, atau mengongsikan maklumat anda. Apabila anda menggunakan laman, produk, atau perkhidmatan kami atau mempunyai hubungan bersama kami, kami boleh mengumpul data daripada anda dan peranti yang anda gunakan untuk berinteraksi dengan kami.

Dasar ini direka untuk memberikan ketelusan tentang amalan dan prinsip privasi kami dalam bentuk yang boleh anda layari, baca, dan fahami.

Kami komited untuk mengendalikan maklumat peribadi anda dengan penuh perhatian dan rasa hormat serta memberikan anda cara untuk menghubungi kami sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau kebimbangan mengenai penggunaan maklumat anda.

Akhir sekali, anda mungkin telah menerima dokumentasi privasi tambahan daripada kami apabila anda menggunakan laman web, produk, atau perkhidmatan tertentu. Dalam kes tersebut, dokumentasi yang anda terima hendaklah dibaca bersama dengan Notis ini.

Dasar ini menerangkan:

### Skop Dasar Ini

Dasar ini menerangkan pemrosesan maklumat yang diberikan atau dikumpulkan di laman web dan aplikasi kami di mana dasar privasi ini disiarkan. Dalam sesetengah situasi, kami mungkin menyediakan notis privasi data tambahan khusus untuk produk, amalan, atau rantau tertentu. Syarat-syarat tersebut hendaklah dibaca bersama dengan dasar ini.

Jika anda memberikan maklumat kepada kami di laman atau platform pihak ketiga, maklumat yang anda berikan mungkin dikumpul secara berasingan oleh laman atau platform pihak ketiga tersebut. Amalan privasi laman atau platform pihak ketiga tersebut akan mengawal penggunaan maklumat anda. Pilihan yang anda buat di platform pihak ketiga tidak akan terpakai kepada penggunaan maklumat yang telah kami kumpulkan melalui laman web, produk, atau perkhidmatan kami.

### Hak Privasi Anda

Jika anda merupakan penduduk negeri atau negara tertentu, anda mungkin mempunyai hak untuk mengetahui, mengakses, membetulkan, memindahkan, mengehaskan pemrosesan, memilih untuk tidak memproses (contohnya, pengiklanan bersasar, penjualan data peribadi, mengehaskan penggunaan dan pendedahan maklumat sensitif, dan pemprofilan, seperti yang ditakrifkan oleh undang-undang negeri yang berkenaan), dan memadamkan maklumat peribadi anda. Jika anda memilih untuk melaksanakan mana-mana pilihan ini, kami tidak akan mendiskriminasi anda kerana membuat keputusan tersebut.

Anda boleh menyerahkan permohonan privasi di [portal privasi](#) kami.

Anda boleh menggunakan hak privasi anda dengan menekan pautan “My Privacy Choices” di bahagian bawah laman web kami dan memilih permintaan yang sesuai, atau dengan menghubungi kami di [DPO@youngliving.com](mailto:DPO@youngliving.com). Apabila kami menerima permintaan untuk menggunakan hak privasi, kami akan menyemak maklumat yang telah kami kumpulkan tentang anda (jika ada) dengan maklumat pengenalan

yang anda mungkin telah berikan kepada kami (seperti log masuk, alamat e-mel, alamat surat-menyurat, kod pos, atau nombor transaksi atau pesanan) untuk mengesahkan identiti anda. Jika anda menggunakan ejen sah untuk menghantar permohonan, kami mungkin memerlukan ejen tersebut untuk memberikan bukti bahawa anda memberi kebenaran bertulis kepada ejen untuk menghantar permohonan tersebut. Kami juga mungkin memerlukan anda untuk mengesahkan secara langsung dengan kami bahawa anda telah memberi ejen sah tersebut kebenaran untuk menghantar permohonan itu.

Dalam sesetengah situasi, kami mungkin tidak dapat meluluskan permohonan anda. Dalam situasi sedemikian, kami akan menerangkan alasan kami kepada anda dan akan menghormati hak anda untuk membuat rayuan apabila berkenaan.

### **Maklumat Yang Dikumpulkan atau Diproses**

Dalam tempoh 12 bulan terdahulu, Young Living mungkin telah mengumpul atau memproses kategori maklumat peribadi yang dinyatakan di bawah apabila anda melawat laman web kami. Umumnya, kami mengumpul maklumat yang disenaraikan di bawah untuk tujuan keselamatan, menambah baik, dan menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan kami;

Jenis Pelayar;

Sistem Operasi;

Penyedia perkhidmatan internet;

Alamat IP;

Tarikh dan masa lawatan anda ke laman kami; dan

Maklumat tentang laman web dari mana sistem anda datang ke laman web kami.

Maklumat tentang laman web yang diakses oleh sistem komputer anda melalui laman web kami.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk jadual di bahagian bawah dokumen ini.

### **Sumber Maklumat**

Sumber dari mana maklumat peribadi mungkin telah dikumpulkan atau diproses adalah seperti yang berikut: maklumat yang anda berikan kepada kami, teknologi penjejakan dalam talian, teknologi pengumpulan data automatik, platform dan rangkaian media sosial, rakan niaga, dan lain-lain. Tujuan pengumpulan atau pemrosesan tersebut adalah termasuk: menyediakan produk dan perkhidmatan kami, berkomunikasi dengan anda, mentadbir program Brand Partner, tujuan pemasaran dan promosi (yang mungkin termasuk pengiklanan bersasar), analitik dan personalisasi, keselamatan dan pencegahan penipuan, kewajipan undang-undang, fungsi perniagaan teras, proses permohonan pekerjaan, dan lain-lain.

### **Cara Kami Mendedahkan Maklumat**

Young Living tidak percaya kami telah Menjual (untuk mendapatkan wang dan aspek bernilai yang lain) atau Berkongsi (untuk tujuan pengiklanan berdasarkan konteks silang) maklumat peribadi anda sepanjang 12 bulan terdahulu, seperti yang ditakrifkan oleh undang-undang negeri tertentu. Walau bagaimanapun,

kami mungkin mendedahkan maklumat anda kepada subsidiari dan sekutu kami, bersama dengan penyedia perkhidmatan dan pemproses pihak ketiga untuk memberikan perkhidmatan kepada anda. Kami juga mungkin mendedahkan maklumat anda dengan penyedia perkhidmatan dan pihak ketiga apabila perlu untuk mematuhi undang-undang dan peraturan; menjawab sepina dan perintah mahkamah; melaksanakan hak undang-undang kami atau mempertahankan terhadap tuntutan undang-undang; menyiasat, mencegah, atau mengambil tindakan terhadap aktiviti haram, penipuan yang disyaki, ancaman terhadap harta benda atau keselamatan fizikal mana-mana individu, atau pelanggaran terhadap arahan penggunaan kami dan terma serta syarat yang terpakai; memudahkan pembiayaan atau insurans perniagaan kami atau pelupusan semua atau sebahagian perniagaan atau aset kami; atau sebagaimana yang dibenarkan atau diperlukan oleh undang-undang. Kami mungkin mendedahkan data yang dianonimkan atau digabungkan mengikut budi bicara kami, selaras dengan undang-undang yang berkenaan.

Sekiranya anda memuat naik maklumat atau kandungan ke forum dalam talian atau laman media kami, maklumat ini adalah umum di Internet. Kami tidak dapat mencegah atau mengawal penggunaan lanjut maklumat ini dan merujuk anda kepada dasar privasi dan terma penggunaan laman pihak ketiga tersebut untuk mengetahui lebih lanjut tentang amalan privasi mereka.

### **Kawalan dan Pilihan Anda**

Anda boleh mengawal bagaimana dan bila anda ingin menerima e-mel pemasaran daripada Young Living dengan mengklik pada pautan “unsubscribe” yang terdapat di bahagian bawah komunikasi e-mel kami kepada anda. Ini tidak akan mempengaruhi penerimaan e-mel pentadbiran (contohnya, e-mel mengenai akaun, transaksi, atau perubahan dasar) untuk akaun berdaftar anda.

### **Komitmen Kami Untuk Melindungi Maklumat Kanak-kanak**

Perkhidmatan kami tidak ditujukan untuk kanak-kanak di bawah umur 16 tahun. Kami tidak mengumpul maklumat melalui laman web, produk, dan perkhidmatan kami daripada pengguna di bawah umur 16 tahun secara sengaja. Jika anda menggunakan Perkhidmatan kami, anda menyatakan bahawa anda sekurang-kurangnya telah mencapai umur majoriti di bawah undang-undang di mana anda menetap. Jika anda percaya anak anda telah memberikan maklumat peribadi kepada kami, sila maklumkan kepada kami di [DPO@youngliving.com](mailto:DPO@youngliving.com). Jika kami mengetahui bahawa kami telah mengumpulkan maklumat peribadi daripada kanak-kanak, kami akan segera mengambil langkah untuk memadam maklumat tersebut dan menamatkan akaun kanak-kanak tersebut.

### **Kuki dan Teknologi Lain**

Kuki adalah pengecam yang kami pindahkan ke pelayar atau peranti anda yang membolehkan kami mengenal pasti pelayar atau peranti anda dan memberitahu kami bagaimana dan bila halaman serta ciri dalam perkhidmatan kami dilawati dan oleh berapa ramai orang. Anda mungkin boleh mengubah keutamaan pada pelayar atau peranti anda untuk mencegah atau mengehadkan penerimaan kuki oleh peranti anda, tetapi ini mungkin menghalang anda daripada memanfaatkan beberapa ciri kami. Kami mengesyorkan anda membiarkan kuki diaktifkan. Kami telah mengklasifikasikan kuki kami ke dalam kategori berikut untuk membantu anda memahami fungsinya.

- **Penting:** Kuki ini diperlukan untuk menggunakan perkhidmatan. Contohnya, ia diperlukan untuk mengakses laman web kami dan log masuk ke akaun anda.
- **Prestasi:** Kuki ini menjejaki bagaimana anda berinteraksi dengan laman web kami. Contohnya, kuki ini memberitahu kami halaman mana yang memuat perlahan atau tidak dioptimumkan untuk

penggunaan mudah alih. Kami menggunakan maklumat ini untuk memperbaiki pengalaman pengguna kami.

- Fungsi: Kuki ini menjejaki maklumat tentang anda untuk memudahkan penggunaan laman web kami. Contohnya, kami mungkin menyimpan maklumat seperti status log masuk dan keutamaan tontonan anda.
- Pemasaran dan Analisis: Kuki ini membantu kami mencipta pengalaman pengiklanan yang disasarkan di laman web kami.

Anda boleh menguruskan keutamaan kuki anda pada sepanduk kuki yang muncul ketika anda pertama kali melawat laman web kami.

Kami juga menawarkan khidmat Live Chat di laman web Young Living yang dipanggil Zoom. Khidmat ini membolehkan anda menghubungi wakil Member Services Young Living. Zoom adalah perkhidmatan interaksi pelanggan secara langsung di laman web yang menyediakan pelbagai ciri berprestasi tinggi, alatan dan API sokongan dan komunikasi, dan membolehkan kakitangan perkhidmatan kami menghubungi dan membantu pengunjung laman web Young Living. Dengan menggunakan ciri bual tersebut, anda bersetuju dan membenarkan perkhidmatan Zoom kami. Maklumat yang anda berikan kepada Zoom dipanjangkan terus kepada wakil Member Services kami. Maklumat tersebut adalah termasuk:

Nama penuh

Alamat IP dan/atau pengecam peranti

Video

Sistem operasi

Tempoh sesi

Kandungan komunikasi

Tempoh sesi

Tetapan bahasa

Data lokasi

Maklumat hubungan, fail log, dan data diagnostik lain

## **Kawalan Privasi Global**

Undang-undang negeri tertentu memerlukan mekanisme mendaftar keluar atau isyarat pilihan mendaftar keluar universal sebagai cara menghormati hak anda untuk mendaftar keluar daripada jualan atau perkongsian data peribadi dan pengiklanan bersasar. Buat masa sekarang, laman web kami menggunakan dan mengiktiraf Kawalan Privasi Global untuk menghormati hak mendaftar keluar anda seperti yang diperlukan mekanisme mendaftar keluar atau isyarat pilihan mendaftar keluar universal. Jika anda mahu mengawal penggunaan kuki dan teknologi internet yang sama di komputer anda, anda boleh menggunakan pelayar web yang disenaraikan dengan alat Kawalan Privasi Global terbina dalam. Pelayar ini menghadkan teknologi kuki dan cara mereka bekerja semasa anda melayari internet. Anda boleh mendapatkan senarai pelayar dengan alat Kawalan Privasi Global terbina dalam di sini: <https://globalprivacycontrol.org/#download>.

Penggunaan laman web dan pelayar web yang terdapat di laman di atas adalah atas risiko anda sendiri, tertakluk kepada persetujuan pembina pelayar web tersebut dan tertakluk kepada dasar privasi mereka. Young Living tidak menerima sebarang liabiliti berkaitan penggunaan anda dengan laman web di atas atau kandungan yang mungkin anda muat turun daripada laman web tersebut.

## **Amalan Pemindahan Data Global Kami**

Kami menyimpan dan memproses maklumat peribadi anda di pelayan kami di lokasi dalam Amerika Syarikat tetapi mungkin memindahkan maklumat peribadi anda ke negara-negara lain di luar Amerika Syarikat untuk tujuan yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini. Dengan menggunakan laman web, produk, atau perkhidmatan kami, anda bersetuju bahawa maklumat peribadi anda akan dipindah, diproses dan disimpan secara global.

## **Menghubungi Pihak Berkuasa Penyeliaan**

Jika anda mahu membuat aduan terhadap kami, anda boleh menghubungi pengawal atur privasi tempatan anda. Jika anda tidak dapat mencari pengawal atur privasi, sila hubungi pejabat privasi kami di [DPO@youngliving.com](mailto:DPO@youngliving.com) dan mereka akan membantu anda menghubungi agensi penguatkuasaan berkenaan.

## **Perubahan Pada Dasar Privasi Ini**

Kami mungkin mengemas kini dasar privasi ini dari semasa ke semasa. Kami akan memaklumkan anda berkenaan sebarang perubahan dengan memuat naik dasar privasi baharu di halaman ini. Jika kami melakukan sebarang perubahan material berkenaan cara kami mengendalikan maklumat peribadi anda, kami akan memaklumkan anda menerusi e-mel di alamat e-mel utama yang dinyatakan pada akaun anda dan menerusi notis di halaman utama laman web kami. Anda bertanggungjawab memastikan kami mempunyai alamat e-mel terkini untuk menghubungi anda. Anda dinasihatkan untuk mengkaji semula dasar privasi ini secara berkala untuk sebarang perubahan. Perubahan pada dasar privasi ini berkuat kuasa apabila mereka dimuat naik ke halaman ini.

## **Cara Menghubungi Kami**

Jika anda mempunyai sebarang soalan tentang cara kami memproses maklumat anda, anda boleh menghubungi kami di:

Alamat pos kami adalah:

Young Living Malaysia Sdn Bhd  
GF & L1, Tower 7, Avenue 3, Bangsar South  
No. 8 Jalan Kerinchi  
59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Kami boleh dihubungi menerusi e-mel di [custervmy@youngliving.com](mailto:custervmy@youngliving.com), atau anda boleh menghubungi kami menerusi telefon di talian bebas tol 1800 189 889 atau nombor pejabat (+603 2714 8714)

### Butiran Spesifik-Hubungan

#### Pengguna Laman Web

<b>Butiran</b>	Subjek data berkenaan siapa yang menggunakan laman web.
<b>Kategori-kategori Maklumat</b>	Data Internet seperti nama pelayar, sistem operasi, penyedia perkhidmatan internet, alamat IP, data dan masa anda melawat laman web kami, dan maklumat tentang laman web dari mana sistem anda datang atau melalui laman web kami.
<b>Kategori Subjek-subjek Data</b>	Subjek data berkenaan siapa yang menggunakan laman web.
<b>Sumber dari mana Maklumat Dikumpul</b>	Maklumat yang diberikan komputer anda kepada laman web Young Living.
<b>Tujuan Pemprosesan</b>	Maklumat ini diproses untuk mengendalikan laman web, mengoptimumkan laman web, dan untuk tujuan keselamatan.
<b>Asas Undang-Undang untuk Pemprosesan</b>	Ada tujuan perniagaan yang sah untuk memproses maklumat ini.
<b>Pemprosesan Automatik atau Pemprofilan</b>	<p><b>Adakah produk/perkhidmatan/proses ini menggunakan pemprosesan automatik:</b></p> <p>Ya <input type="checkbox"/></p> <p>Tidak <input checked="" type="checkbox"/></p> <p><b>Jika ya, kaedah dan logik umum yang digunakan adalah: N/A</b></p> <p><b>Adakah pemprosesan automatik memberi kesan pada hak-hak subjek data? : N/A</b></p>

Pengedaran Maklumat	Kategori Penerima	Butiran Tujuan Komersial atau Perniagaan	Adakah Maklumat ini Dijual atau Dikongsi
	Webhos  Penyedia perkhidmatan awan  Pengurus dan pembangun laman web  Pembangun aplikasi e-dagang  Aplikasi komunikasi dan pengurusan  Perkhidmatan pemasaran digital  Komunikasi e-mel  Pembangun aplikasi  Entiti dan sekutu keluarga dan badan korporat Young Living	Maklumat ini dikumpulkan untuk menjalankan fungsi-fungsi penting untuk laman web seperti: Operasi sistem bahagian belakang seperti penyedia perkhidmatan awan, pentadbiran fail log, keselamatan, perbualan dan perkhidmatan pelanggan, dan infrastruktur IT.	<input type="checkbox"/> Dijual <input checked="" type="checkbox"/> Dikongsi <input checked="" type="checkbox"/> Didedahkan
Maklumat Peribadi Sensitif	Kategori Maklumat Peribadi Sensitif Yang Dikumpulkan	Tempoh Simpanan	
	N/A	N/A	
Sama ada Maklumat Peribadi Dipindahkan Secara Antarabangsa	Maklumat ini dipindahkan ke Amerika Syarikat dan tertakluk kepada mekanisme pemindahan dalaman.		
Tempoh Simpanan	Untuk maklumat berkaitan hubungan ahli dan sokongan pelanggan, rekod disimpan selama 4 tahun selepas pembatalan hubungan ahli.  Untuk maklumat pelanggan yang digunakan untuk menjana akaun, maklumat disimpan selama tiga tahun selepas pembatalan hubungan.		

**Brand Partner/Pelanggan Runcit (jika terpakai)**

<b>Butiran</b>	Apabila pengguna web membuat pesanan menerusi laman web Young Living, mereka boleh mendaftar sebagai Brand Partner.
<b>Kategori-kategori Maklumat</b>	<p>Pengecam seperti: nama, entiti undang-undang, alamat, alamat e-mel, nombor telefon, dan ID akaun,</p> <p>Maklumat komersial seperti: maklumat kad bayaran, maklumat akaun bank, nombor pengenalan kerajaan, kata laluan untuk akaun Young Living, PIN untuk akaun Young Living, sejarah troli, dan komisen dan bonus</p> <p>Maklumat Sejarah seperti: nota pelanggan, penyertaan dalam acara dan kempen-kempen</p> <p>Maklumat kesihatan seperti keperluan diet</p> <p>Data Internet seperti: alamat IP</p>
<b>Kategori Subjek-subjek Data</b>	Brand Partner dan pelanggan runcit (jika terpakai)
<b>Sumber dari mana Maklumat Dikumpul</b>	Maklumat ini diberi oleh Brand Partner
<b>Tujuan Pemprosesan</b>	Maklumat ini diproses untuk hubungan Brand Partner.
<b>Asas Undang-Undang untuk Pemprosesan</b>	Maklumat ini dikumpul untuk dimasukkan dan membentuk hubungan kontrak dengan Brand Partner.
<b>Pemprosesan Automatik atau Pemprofilan</b>	<p><b>Adakah produk/perkhidmatan/proses ini menggunakan pemprosesan automatik:</b></p> <p>Ya <input type="checkbox"/></p> <p>Tidak <input checked="" type="checkbox"/></p> <p><b>Jika ya, kaedah dan logik umum yang digunakan adalah: N/A</b></p> <p><b>Adakah pemprosesan automatik memberi kesan pada hak-hak subjek data? : N/A</b></p>

Pengedaran Maklumat	Kategori Penerima	Butiran Tujuan Komersial atau Perniagaan	Adakah Maklumat ini Dijual atau Dikongsi
	Syarikat penghantaran Pemproses bayaran Pemantau penipuan Entiti-entiti e-dagang Alatan analisis perniagaan Subsidiari Young Living Infrastruktur IT Keselamatan Perbualan dan Perkhidmatan Pelanggan Penyedia perkhidmatan awan Webhos Penyedia perkhidmatan awan Pengurus dan pembangun laman web Pembangun aplikasi e-dagang Aplikasi komunikasi dan pengurusan Perkhidmatan pemasaran digital Komunikasi e-mel Pembangun aplikasi Entiti dan sekutu keluarga dan badan korporat Young Living	Maklumat ini dikumpul untuk memenuhi perjanjian kontrak antara Young Living dan Brand Partnernya. Ia digunakan untuk memenuhi pesanan, menghantar pesanan, mentadbir bahagian belakang, memproses bayaran, menyediakan perkhidmatan analisis, perkhidmatan pelanggan, dan keselamatan.	<input type="checkbox"/> Dijual <input type="checkbox"/> Dikongsi <input checked="" type="checkbox"/> Didedahkan

Maklumat Peribadi Sensitif	Kategori Maklumat Peribadi Sensitif Yang Dikumpulkan	Tempoh Simpanan
	<input checked="" type="checkbox"/> Log masuk akaun, akaun kewangan, nombor kad debit atau kad kredit dalam kombinasi dengan mana-mana kod keselamatan atau akses yang diperlukan, kata laluan, atau maklumat yang membolehkan akses kepada akaun.  <input checked="" type="checkbox"/> ID cukai, kad pengenalan, atau nombor pasport  <input checked="" type="checkbox"/> Kewarganegaraan	<p>Maklumat ini disimpan sepanjang tempoh kontrak dan kemudiannya disimpan mengikut had masa untuk tuntutan yang mungkin dibangkitkan di bawah kontrak tersebut. Buat masa sekarang, tempoh tersebut tidak melebihi 10 tahun.</p>
<b>Sama ada Maklumat Peribadi Dipindahkan Secara Antarabangsa</b>	Maklumat ini dipindahkan ke Amerika Syarikat dan tertakluk kepada mekanisme pemindahan dalaman.	
<b>Tempoh Simpanan</b>	Maklumat ini disimpan sepanjang tempoh kontrak dan kemudiannya disimpan mengikut statut had masa untuk tuntutan yang mungkin timbul di bawah kontrak tersebut. Buat masa sekarang, tempoh tersebut tidak melebihi 10 tahun.	

### Butiran Produk

#### Aroma Connect

<b>Butiran</b>	Maklumat dikumpul melalui aplikasi Aroma Connect
<b>Kategori-kategori Maklumat</b>	Pengecam seperti: alamat e-mel dan kata laluan  Data aplikasi adalah berkaitan dengan cara anda menggunakan aplikasi, bila aplikasi digunakan, dan masa diluahkan menggunakan aplikasi.
<b>Kategori Subjek-subjek Data</b>	Pengguna Aroma Connect.
<b>Tujuan Pemprosesan</b>	<p>Maklumat ini digunakan untuk mewujudkan dan menguruskan akaun-akaun pengguna, untuk mengawal pembaur Luna Mist dan Wake Up Light dan membina rutin pembaur.</p> <p>Maklumat ini digunakan untuk memberi maklumat setempat wilayah anda.</p> <p>Maklumat ini membantu proses analisis data penggunaan aplikasi dan menambah baik perkhidmatan.</p>

<b>Asas Undang-Undang untuk Pemrosesan</b>	Keizinan.		
<b>Pemrosesan Automatik atau Pemprofilan</b>	<p><b>Adakah produk/perkhidmatan/proses ini menggunakan pemrosesan automatik:</b>          Ya <input type="checkbox"/></p> <p>Tidak <input checked="" type="checkbox"/></p> <p><b>Jika ya, kaedah dan logik umum yang digunakan adalah: N/A</b></p> <p><b>Adakah pemrosesan automatik memberi kesan pada hak-hak subjek data? : N/A</b></p>		
<b>Perkongsian Maklumat</b>	<b>Kategori Penerima</b>	<b>Butiran Tujuan Komersial atau Perniagaan</b>	<b>Adakah Maklumat ini Dijual atau Dikongsi</b>
	<p>Infrastruktur sistem awan</p> <p>Perkhidmatan IT/ Keselamatan</p> <p>Entiti-entiti Young Living Berkaitan</p> <p>Sokongan Bual dan Khidmat Pelanggan</p> <p>Alatan analisis untuk memahami tempoh aplikasi digunakan</p> <p>Webhos</p> <p>Penyedia perkhidmatan awan</p> <p>Pengurus dan pembangun laman web</p> <p>Pembangun aplikasi e-dagang</p> <p>Aplikasi komunikasi dan pengurusan</p> <p>Perkhidmatan pemasaran digital</p> <p>Komunikasi e-mel</p> <p>Pembangun aplikasi</p> <p>Entiti dan sekutu keluarga dan badan korporat Young Living</p>	<p>Maklumat ini digunakan untuk menyediakan aplikasi Aroma Connect kepada pengguna.</p>	<p><input type="checkbox"/> Dijual</p> <p><input type="checkbox"/> Dikongsi</p> <p><input checked="" type="checkbox"/> Didedahkan</p>

<b>Maklumat Peribadi Sensitif</b>	<b>Kategori Maklumat Peribadi Sensitif Yang Dikumpulkan</b>	<b>Tempoh Simpanan</b>
<b>Sama ada Maklumat Peribadi Dipindahkan Secara Antarabangsa</b>	Amerika Syarikat	N/A
<b>Tempoh Simpanan</b>	Data aplikasi disimpan selama akaun aktif atau mengikut keperluan untuk menyediakan perkhidmatan kepada anda. Pemegang-pemegang akaun boleh memohon untuk data anda dipadamkan dengan menghubungi kami di: <a href="mailto:DPO@youngliving.com">DPO@youngliving.com</a> . Kami akan berusaha memadamkan data anda dalam tempoh 30 hari selepas permohonan tersebut.	